



Ruj. Kami : KDN.600-17/6/10 (12)

Tarikh : 13 Mac 2026

SYARIKAT PENGEDAR FILEM

SYARIKAT PENERBIT FILEM

OPERATOR PAWAGAM

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PROSEDUR PENGHANTARAN KUNCI DIGITAL “KEY DELIVERY MESSAGE” (KDM) BAGI PERMOHONAN PENAPISAN FILEM PAWAGAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, **Key Delivery Message (KDM)** merupakan fail digital keselamatan yang dihantar melalui e-mel kepada Pejabat ini bagi membolehkan akses kepada kandungan filem yang telah disulitkan (*encrypted*) di dalam *Digital Cinema Package* (DCP) bagi filem-filem yang dikemukakan untuk tujuan tonton tapis oleh Lembaga Penapis Filem (LPF). Penggunaan KDM ini bertujuan untuk menjamin tahap keselamatan serta kerahsiaan maklumat kandungan filem, sekaligus melindungi kepentingan pemunya hak cipta bagi mengelakkan sebarang kebocoran maklumat sebelum tarikh tayangan rasmi filem tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan proses tonton tapis dilaksanakan berdasarkan jadual yang ditetapkan, pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan KDM yang sah kepada Pejabat Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Justeru, bagi memantapkan lagi tadbir urus dan melancarkan urusan proses penapisan dijalankan, pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dikehendaki mematuhi ketetapan kriteria penghantaran KDM seperti berikut:

- i. **Tempoh Sah Penghantaran** : KDM yang sah hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum jam 8.00 pagi pada hari sesi penapisan dijadualkan; dan
- ii. **Kegagalan Penghantaran** : KDM yang tidak diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dianggap terbatal dan sesi penapisan pada hari tersebut tidak akan dilaksanakan.

4. Sekiranya terdapat masalah atau gangguan teknikal yang melibatkan pihak luar negara, pihak syarikat **diwajibkan** memaklumkan perkara tersebut kepada Pejabat ini dengan kadar **segera** bagi tujuan semakan penerimaan di peringkat Kementerian. Sebaliknya, sekiranya KDM masih tidak diterima selepas tempoh yang diberikan,

proses penapisan pada hari tersebut akan dibatalkan. **Proses penapisan hanya akan dijadualkan semula pada hari lain tertakluk kepada perancangan dan kekosongan jadual sedia ada.**

5. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab sepenuhnya di bawah **Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)**, Pejabat Penapisan Filem memberikan keutamaan yang tinggi terhadap aspek kerahsiaan dan integriti data bagi setiap kandungan filem yang dikemukakan. Dalam hal ini, KDM merupakan mekanisme kawalan keselamatan digital yang kritikal bagi memastikan kandungan filem yang belum diberikan keputusan tapisan dikategorikan sebagai maklumat sulit dan kekal terlindung daripada sebarang akses tanpa kebenaran rasmi. Langkah ini adalah perlu bagi menjamin akauntabiliti dalam rantai jagaan kandungan, selaras dengan protokol keselamatan dan kredibiliti Kementerian.

6. Sehubungan dengan itu, jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Nama : **Puan Zurina binti Zulkifli**
 No. Telefon : **03 – 8886 3219**
 E-mel : zurina@moha.gov.my


Nama : **Puan Mimi Noorzeela binti Zulma**
 No. Telefon : **03 – 8886 3228**
 E-mel : noorzeela@moha.gov.my

Kerjasama dan pematuhan pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(BURHAN BIN MAT SUM)
 Setiausaha Bahagian
 Pejabat Penapisan Filem
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Dalam Negeri

s.k.:

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha

YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan)

Pengerusi Lembaga Penapis Filem (LPF)